

31 JUL 2002

POLIS PANGGIL PENGADU MENGENAI DAKWAAN BUNYAMIN

KOTA BAHARU, 31 Julai (Bernama) -- Polis memanggil beberapa individu yang membuat aduan polis mengenai tindakan penceramah PAS Bunyamin Yaakob membuat tuduhan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Polis Kelantan SAC 1 Datuk Mohamed Najib Abdul Aziz berkata semua pengadu itu dipanggil memberi keterangan pada hari ini atau esok sebelum memanggil Bunyamin untuk tujuan yang sama.

"Polis telah menerima beberapa aduan rasmi di beberapa buah negeri. Walaupun laporan itu dibuat berasingan tetapi polis meletakkannya dalam satu kes sahaja dan ia akan disiasat secara rapi," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mohamed Najib berkata demikian berhubung beberapa aduan yang diterima polis mengenai tohmahan Bunyamin kononnya Dr Mahathir menonton video lucu di rumahnya bersama seorang cucu.

Antara yang membuat laporan polis ialah seorang penduduk Kampung Teliar Bunut Susu, Pasir Mas, Kamarul Bahrin Awang di Ibu pejabat Polis Daerah Pasir Mas dan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pemuda Umno Negeri Terengganu Tengku Zainuddin Tengku Zahid di Ibu Pejabat Daerah Polis Kuala Terengganu.

"Siasatan akan dibuat oleh Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, ACP Abdul Rahim Jani," katanya.

Semalam, Mohamdd Najib berkata polis akan memanggil Bunyamin secepat mungkin untuk memberikan keterangan dan siasatan kes itu dibuat mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan 1948.

-- BERNAMA

ZI BD RON